

**Lapan Siri Kajian Sejarah Nasional Sesuai Untuk Modul Pendidikan - Mohd Ali Bernama**  
**17 Oktober, 2011**

MELAKA, 17 Okt (Bernama) -- Jawatankuasa Projek Penyelidikan dan Penulisan Sejarah Nasional Malaysia akan menyerahkan hasil penyelidikan lapan siri kajian sejarah nasional kepada kerajaan untuk dipertimbangkan dijadikan modul atau rujukan pendidikan apabila siap pada penghujung 2012.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata projek penyelidikan itu dilakukan oleh para penyelidik dan penulis sejarah terkenal dari Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

"Hasil kajian itu yang kini siap 60 peratus amat berguna kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk digunakan sebagai rujukan atau meningkatkan pengetahuan dalam ilmu sejarah negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Merentasi Zaman Sempena 749 Tahun Melaka di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh di sini, hari ini.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Profesor Emeritus Datuk Wira Dr Mohd Yusoff Hashim sementara panel penyelidikan dan penulis terdiri daripada Profesor Emeritus Dr Khoo Kay Kim (UM), Datuk Dr Mohd Jamil Mukmin (IKSEP) dan Profesor Datuk Dr Nik Suhaimi Abd Rahman (UKM).

Tajuk kajian ialah Era Prasejarah dan Protosejarah, Kerajaan Melayu (1400-1800), Islam, Kelangsungan Kerajaan Melayu (1800-1945), Era Kesedaran dan Peralihan, Anti Penjajahan dan Kemerdekaan, Era Pengisian Kemerdekaan (1957-1970) dan Malaysia dan Globalisasi (1970-2008).

Mohd Ali berkata penyelidikan melibatkan lapan siri sejarah Malaysia itu bermula sejak 2008 dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada penghujung 2012 untuk dipertimbangkan dijadikan modul atau rujukan pendidikan sejarah negara.

Beliau berkata mata pelajaran sejarah penting dan tindakan kerajaan mewajibkannya dalam peperiksaan adalah bijak.

Negara perlu terus melahirkan pakar sejarah atau ahli sains sosial kerana golongan ini adalah penting dalam membantu meningkatkan kesedaran dan jati diri di kalangan masyarakat, katanya.

Ketua Menteri itu juga berkata sekumpulan pakar sejarah dari UM, USM, UKM melalui IKSEP telah berjaya membuktikan bahawa Empayar Kerajaan Melayu Melaka telah bermula pada tahun 1262 dan bukannya 1400 seperti yang diperkatakan sebelum ini.

"Pertemuan fakta ini juga boleh dibuktikan melalui penulisan Raja Bongsu di dalam buku Salatus Salatin.

Ini amat membanggakan kerana pakar-pakar sejarah telah dapat membuktikan bahawa kita mempunyai tamadun yang tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Dr Khoo ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Melaka Mother of Malaya' pada seminar itu berkata generasi kini mempunyai pengetahuan yang sangat cetek tentang sejarah masyarakat dan negara ini.

"Fenomena ini amat membimbangkan. Sejarah bukan sahaja memberi tumpuan pada zaman dahulu tetapi termasuk proses perkembangan yang membawa kepada zaman sekarang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620506>